

# Medan Bahasa

## Musyawarah Penulis-penulis Malaya di Singapura

(A) Kesusasteraan kebangsaan Malaya ialah kesusasteraan dalam bahasa kebangsaan, yakni, dalam bahasa Melayu, dan kesusasteraan-kesusasteraan yang berlatar-belakangkan Malaya dalam bahasa Inggeris, Cina dan Tamil ialah kesusasteraan golongan-golongan di Malaya, yakni golongan Inggeris Malaya, golongan Cina Malaya dan golongan Tamil Malaya.

(B) Terjemahan-terjemahan tidak dapat diterima sebagai hasil sastera kebangsaan, tetapi dihargai sebagai kesusasteraan asing dalam bahasa Melayu.

### (Laporan Jimmy Asmara)

Satu musyawarah (yang tidak mengambil keputusan apa-apa) telah dilangsungkan di Dewan Perpustakaan Kebangsaan Singapura selama 3 hari berturut-turut mulai dari 16 haribulan Mac 1962 hingga 18 haribulan Mac 1962. Musyawarah tersebut telah dimulakan dengan satu pembukaan rasmi oleh Paduka Yang Mulia Yang di-Pertuan Negara Singapura, Encik Yusof bin Ishak di Panggung Victoria pada pukul 10 pagi Jumaat 16 Mac itu di hadapan kira-kira 700 orang para peserta dan para jemputan.

Musyawarah (yang tidak mengambil keputusan apa-apa) ini telah dijalankan dengan mengadakan:

- (A) Satu sidang lengkap 4 aliran bahasa (Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris)

bercampur pada pemulaan sidangnya (pagi Jumaat 16 Mac),

- (B) Empat sidang seksi mengenai “Bentuk Kesusasteraan Malaya” dari 4 aliran bahasa (Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris) pada petang Jumaat 16 Mac,

- (C) Empat sidang seksi mengenai “Fungsi Kesusasteraan Malaya” dari 4 aliran bahasa (Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris) pada pagi Sabtu 17 Mac,

- (D) Empat sidang seksi mengenai “Peranan Penulis-penulis Malaya” dari 4 aliran bahasa (Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris) pada petang Sabtu 17 Mac, dan

(E) Satu sidang lengkap campur 4 aliran bahasa (Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris) pada pagi 18 Mac.

Sidang lengkap pertama telah dipengerusikan oleh Profesor Dr Slamet Muljyana, Ketua Dewan Bahasa



Paduka Yang Mulia Yang di-Pertuan Negara Singapura, Encik Yusof bin Ishak diapit oleh Yang Berhormat Tuan S. Rajaratnam (kiri) Menteri Kebudayaan Singapura dan Profesor Dr Slamet Muljyana (kanan), Pengarah Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan Singapura ketika mulai masuk ke dalam Panggung Victoria untuk merasmikan pembukaan “Musyawarah Penulis-penulis Malaya” di situ.

dan Kebudayaan Kebangsaan, Singapura yang berdiriselaku Pengarah Musyawarah tersebut. Sidang seksimengeai “Bentuk Kesusasteraan Malaya” dipengerusikan oleh saudara Sulaiman bin Haji Suhaimi, bahagian bahasa Kebangsaan (Melayu), saudara Yeh Soi Yen, bahagian bahasa Cina, saudara S. Hamid, bahagian bahasa Tamil dan saudara Sew Cing Pung, bahagian bahasa Inggeris. Sidang seksimengeai “Fungsi Kesusasteraan Malaya” dipengerusikan oleh saudara Muhammad Arif bin Ahmad, bahagian bahasa kebangsaan (Melayu), saudara Woo Ching Hong, bahagian bahasa Cina, saudara V. Tirunabukarasu, bahagian bahasa Tamil dan saudara Paul S. Abishiganadan, bahagian bahasa Inggeris. Sidang seksimengeai “Peranan Penulis-penulis Malaya” dipengerusikan oleh saudara Ramli Abdul Hadi, bahagian bahasa kebangsaan (Melayu), saudara Tsing Kuang Hoon, bahagian bahasa Cina, saudara G. Sarangapani, bahagian bahasa Tamil dan saudara Lim Tian Su, bahagian bahasa Inggeris, dan sidang lengkap yang kedua (penutup) dipengerusikan oleh Tuan Syed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Persekutuan Tanah Melayu.

Walaupun musyawarah yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan Singapura (yang mengemukakan ketetapan tidak mengambil sebarang keputusan pada saatnya yang terakhir) ini, telah benar-benar tidak mengambil sebarang keputusan (walaupun telah diminta dengan bersungguh-sungguh oleh peserta-peserta dari bahagian bahasa kebangsaan), tetapi ketiga-tiga sidang seksimengeai bahasa kebangsaan (Melayu) itu telah membuat rumusannya yang benar-benar diharapkan supaya dapat diterima (disetujui) oleh sidang lengkap penutup musyawarah itu.

Rumusan yang terpentingnya telah dibuat oleh sidang seksi mengenai “Bentuk Kesusasteraan Malaya”

(sidang seksi yang pertama) berbunyi sebagai berikut:

- (A) Kesusasteraan Kebangsaan Malaya, ialah kesusasteraan dalam bahasa kebangsaan, yakni, dalam bahasa Melayu, dan kesusasteraan-kesusasteraan yang berlatar-belakangkan Malaya dalam bahasa Inggeris, Cina dan Tamil ialah kesusasteraan golongan-golongan di Malaya, yakni golongan Inggeris Malaya, golongan Cina Malaya dan golongan Tamil Malaya.
- (B) Terjemahan-terjemahan tidak dapat diterima sebagai hasil sastera kebangsaan, tetapi dihargai sebagai kesusasteraan asing dalam bahasa Melayu.

Berikut dengan menolaknya pihak yang menganjurkan Musyawarah ini daripada membuat atau mengambil sebarang keputusan dalam sidang lengkap penutupnya pada pagi Ahad 18 Mac 1962 itulah maka peserta-peserta dalam bahagian bahasa kebangsaan (Melayu) telah keluar dari persidangan lengkap penutupnya itu, kerana mereka menganggap bahawa usaha jerih lelah mereka selama dua hari sebelumnya memperbincangkannya itu telah menjadi usaha sia-sia sahaja sebagai usaha kebangsaan.

Oleh kerana musyawarah ini telah menetapkan tidak mengambil sebarang keputusan dalam sidang lengkap penutupnya, maka saya merasa tiadalah apa-apa gunanya rumusan-rumusan dari sidang-sidang seksi yang lain, yang ternyata adalah kuat kaitannya dengan rumusan yang dibuat dalam sidang seksi yang pertama mengenai “Bentuk Kesusasteraan Malaya” itu saya salinkan di sini.



*Para jemputan, para peserta dan para pemerhati bagi menyaksikan upacara pembukaan “Musyawarah Penulis-penulis Malaya” di Panggung Victoria Singapura yang dilakukan oleh Yang Mulia Yang di-Pertuan Negara Singapura Encik Yusof bin Ishak, pada pukul 10 pagi Jumaat 16 haribulan Mac 1962. Pemandangan ini adalah sebahagian daripada kira-kira 700 orang semuanya.*

Demikian juga tidaklah ada gunanya kesimpulan-kesimpulan yang dibuat oleh sidang-sidang seksi dalam bahagian bahasa-bahasa Inggeris, Cina dan Tamil itu vdipturunkan.

Kesemuanya itu adalah tinggal tetap di dalam kenangan jua buat selama-lamanya.

Seluruh musyawarah ini, khususnya di dalam sidang lengkap yang pertama dan sidang-sidang seksi yang tiga itu telah dihadiri oleh peserta-peserta yang berdaftar namanya sebagai berikut:

49 orang dalam bahagian bahasa kebangsaan (Melayu),  
18 orang dalam bahagian bahasa Cina,

20 orang dalam bahagian bahasa Tamil, dan

29 orang dalam bahagian bahasa Inggeris

Jumlah peserta-peserta semuanya ialah seramai 116 orang

yang terdiri dari 4 bangsa penulis-penulis dari Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Dan jumlah ini tidaklah termasuk bilangan “pemerhati” yang tidak dapat diketahui dengan tepatnya itu.

Sekianlah sahaja yang dapat saya laporkan di sini sebagai salah seorang daripada “peserta” Musyawarah Penulis-penulis Malaya yang berlangsung selama 3 hari di Bangunan Perpustakaan Kebangsaan Singapura itu.



*Satu pemandangan di luar sidang pada hari pertama sebelum sidang lengkap pertama dimulakan di Bangunan Dewan*

*Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan Singapura. Kelihatan bersongkok dan kaca mata di tengah (tangan seluk kecek) Tuan*

*Syed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Persekutuan Tanah Melayu yang juga turut sama*

*hadir dalam sidang.*